

Berita Minggu 09/10

Prasekolah di empat rumah panjang mula bulan depan

Bekas guru, swasta diberi insentif RM10,000 buka lebih kelas

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bharian.com.my

SIBU: Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan empat kelas prasekolah di rumah panjang akan dibuka di Sarawak bulan depan bagi membolehkan kanak-kanak berusia antara empat hingga lima tahun mengikuti kelas bimbingan awal sebelum ke kelas tadika.

Beliau berkata, pembinaan lebih banyak prasekolah di Sarawak kerana kerajaan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) menetapkan peningkatan kanak-kanak mengikuti kelas prasekolah dari 67 peratus kepada 87 peratus termasuk di luar bandar serta pedalaman.

Katanya, Kementerian Pelajaran menggalakkan guru bersara serta swasta membuka

lebih banyak kelas prasekolah dengan insentif RM10,000 diberi kepada pihak berkenaan.

“Empat rumah panjang di Sarawak dipilih bagi permulaan program prasekolah yang dibuka Jun ini bagi memberi peluang anak mendapat bimbingan awal sebelum memasuki sistem persekolahan.

“Saya juga menggalakkan bekas guru sekolah rendah serta swasta yang berminat membuka lebih banyak kelas prasekolah di luar bandar atau pedalaman dan kerajaan sedia memberi mereka bantuan insentif awal,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Kesatuan Guru Sarawak (STU) Sibü yang turut dihadiri Pengerusi STU Sarawak, William Ghani Bina dan Pengarah Pelajaran Negeri, Datuk Dr Julaihi Bujang.

Menyentuh ketiadaan sekolah dari Sarawak dimasukkan ke dalam senarai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT), Muhyiddin menjelaskan pihaknya menetapkan tanda aras tinggi dalam penilaian kementerian bagi memastikan sekolah dipilih mencapai taraf antarabangsa.

“Selain Sarawak dan Sabah yang tidak tersenarai, sekolah dari Pahang dan Terengganu juga tidak tersenarai walaupun kementerian mengetahui banyak sekolah cemerlang yang mampu melahirkan pelajar terbaik dari semua negeri berkenaan.

“Tidak timbul isu terlalu selektif atau diskriminasi kepada sekolah di Sarawak kerana kementerian memilih 30 lagi sekolah SBT tahun depan dan 50 lagi pada 2012 bagi membolehkan 100 SBT di seluruh negara dalam tempoh tiga ta-

hun ini,” katanya.

Mengulas masalah penempatan guru di pedalaman Sarawak, beliau berkata, sewajarnya guru perlu mempunyai pengalaman bertugas di luar bandar bagi membolehkan mereka memahami suasana di kawasan berkenaan.

“Ketika ini timbul masalah jumlah guru dalam opsyen tertentu yang tidak seimbang menyebabkan ada negeri seperti Selangor dan Wilayah Persekutuan yang mempunyai ramai guru Bahasa Inggeris sedangkan ada negeri kekurangan guru berkenaan.

“Kita juga sedia menyemak kembali dasar penempatan agar guru yang terlalu lama mengajar di sesuatu sekolah dapat dipindahkan ke sekolah lain selaras matlamat Program Penambahbaikan Sekolah (SIP) yang sudah dilancarkan,” katanya.



MUHYIDDIN bersama pemimpin Barisan Nasional termasuk Abdul Taib (kanan) mengiringi Lau ke pusat penamaan calon di Dewan Suarrah, Sibü.

M/S 6-7



EFFENDY RASHIDI | BERTA MINGGU

PM lulus RM500,000 naik taraf jalan di Teku

SIBU: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, meluluskan RM500,000 untuk menaik taraf empat jalan di Kampung Bahagia Jaya di Teku, di sini, semalam.

Empat jalan itu ialah Lorong Bahagia Tengah 2 sebanyak RM100,000; Lorong Bahagia Tengah 4 (RM100,000); naik taraf Lorong Tengah Bahagia 9A dan Lorong Tengah Bahagia 9B (RM300,000).

Pengumuman peruntukan itu dibuat Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika melawat Sekolah Kebangsaan (SK) Bahagia Jaya di sini.

“Perdana Menteri baru luluskan peruntukan RM500,000 untuk Kampung Bahagia Jaya hari ini. Perdana Menteri minta saya umumkan perkara ini,” katanya sambil menegaskan kerajaan cuba melaksanakan projek itu secepat mungkin.

Mengenai masalah SK Bahagia Jaya, Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, penting untuk memastikan sekolah itu selamat.

Pengarah Pelajaran Sarawak, Datuk Dr Julaihi Bujang diminta meneliti keadaan se-

kolah berkenaan.

Katanya, tapak sekolah itu semakin mendap dan masalah patut dikenal pasti sebelum langkah perlu dilaksanakan.

Terdahulu ketika berucap pada Majlis Perjumpaan Bersama Rakyat di SK Abang Ali, Kampung Baru di sini, Muhyiddin mengingatkan pengundi membuat keputusan berdasarkan siapa dan parti mana yang mereka yakin mampu memikul tugas menguruskan nasib generasi sekarang dan akan datang.

Katanya, tidak kurang penting ialah parti dan bendera dibawa calon serta kemampuan memenuhi janji dibuat.

Muhyiddin turut mengumumkan peruntukan RM1.2 juta untuk pelbagai projek di kawasan itu termasuk untuk SK Abang Ali.

Ini termasuk RM300,000 untuk memperbaiki perparitan dan simpang jalan; menggantikan parit terbuka kepada parit konkrit (RM200,000); membina tandas baru SK Abang Ali (RM300,000), menurap Jalan Nanas (RM107,000), menurap Jalan Iisau (121,000) dan menurap Jalan Masjid sebanyak RM94,500.

REAKSI

Pemimpin BN

“Rekod khidmat BN di Sibü tidak boleh dinafikan kerana semua kaum menerima nikmat pembangunan hasil dasar BN”

Datuk Seri Musa Aman
Ketua Menteri Sabah

“Konsep 1Malaysia yang dibawa Datuk Seri Najib Razak diterima masyarakat pelbagai kaum di Sibü. Saya merayu pengundi menerapkan konsep ini pada 16 Mei ini”

Tan Sri Dr George Chan Hong Nam
Presiden SUPP

“Umno yakin masyarakat

Jentera BN diarah tingkat kempen kekal kemenangan

SIBU: Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang menyifatkan tempoh seminggu berkempen bagi Pilihan Raya Kecil Parlimen Sibul sebagai amat kritikal, mahu semua jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) bekerja kuat bagi memastikan kemenangan calon BN, Robert Lau Hui Yew.

Timbalan Pengerusi BN itu, berkata biarpun Parlimen Sibul kubu kuat BN selama ini, BN tidak akan memandang mudah cabaran pilihan raya kecil kali ini.

Katanya, BN juga tidak bersikap defensif dalam apa juga perkara dan mengambil langkah offensif, memberi keterangan, supaya jika ada pengundi kurang faham, dapat dijelaskan sebaik mungkin.

"Kita juga tahu apa isu yang dibawa pembangkang dan akan kita jelaskan. Kita tidak anggap pilihan raya ini sesuatu yang mudah. Kita akan berdepan lebih 50,000 pengundi di

kawasan ini yang begitu luas.

"Sebab itu kita perlu pastikan setiap pengundi yang kita temui membantu supaya calon kita dipilih pada 16 Mei nanti," katanya pada sidang media selepas proses penamaan calon selesai di Dewan Suaral Sibul, di sini, semalam.

Pilihan raya kecil berkenaan menyaksikan pertandingan tiga penjuar antara Hui Yew dengan calon DAP, Wong Ho Leng dan seorang calon Bebas, Narawi Haron.

Muhyiddin yang bersyukur berikutan proses penamaan calon lancar tanpa kejadian tidak diingini berlaku, turut menyifatkan pemilihan Hui Yew sebagai calon nombor satu juga petanda baik.

"Calon kita (BN) dinamakan calon nombor satu. 1Sibul, 1Robert Lau dan 1Malaysia," katanya sambil menambah BN mengarahkan semua jentera pada semua peringkat serta jentera Pusat digerakkan seberapa cekap yang bo-



DARI kiri Nawawi, Lau yang menunjukkan isyarat 1Malaysia sambil diperhatikan Wong selepas Pegawai Pengurus Pilihan Raya Sibul, Wong See Meng mengumumkan pencalonan mereka di luar Dewan Suaral Sibul.

leh, tanpa harus ada sebarang masalah dalaman.

Beliau juga menyifatkan kenyataan Lim Kit Siang bahawa peluang kemenangan adalah 60-40 memihak kepada BN

sebagai taktik lama dan perang psikologi Penasihat DAP itu.

"Dia kata dia akan kalah jadi dia minta tolong, minta simpati. Ini cerita lama, taktik lama yang sudah basi.

"Kita tidak boleh pakai cara ini, pemikiran lama, bermain perang psikologi. Kita tidak bodoh. Tapi tak apa, itu hak dia nak kata apa," katanya.

Muhyiddin turut mengang-

gap tindakan calon DAP menunjukkan isyarat 1Malaysia sebagai bukti Pengerusi DAP Sarawak itu juga menyokong konsep 1Malaysia.



Robert Lau Hui Yew

BN



Wong Ho Leng

DAP



Narawi Haron

Bebas



LATAR BELAKANG

Parlimen Sibu (P212) terletak di tengah Sarawak dalam Bahagian Sibu. Di sebelah utaranya Mukah, manakala Sarikei di selatan dan Kapit di sebelah timur. Kawasan berkeluasan 1,399 kilometer persegi itu hampir menyamai keluasan Perlis dan Pulau Pinang. Ia mempunyai tiga Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Bawang Assan (N47), DUN Pelawan (N48) dan DUN Nangka (N49).

STATISTIK PENGUNDI

Pemilih biasa: 52,158
 Pengundi pos: 2,537
 Cina: 34,424
 Iban: 7,823
 Orang Ulu: 57
 Pusat mengundi: 45
 Melayu: 8,866
 Bidayah: 260
 Lain-lain: 73
 Saluran: 110

DUN DALAM PARLIMEN SIBU

DUN Bawang Assan (N47)
 DUN Pelawan (N48)
 DUN Nangka (N49).

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA UMUM (PRU) 2008

Calon BN, Datuk Robert Lau Hoi Chew menang dengan majoriti 3,235 undi menewaskan calon DAP, Wong Hong Leng dan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR), Lim Chin Chuang.



Sibu (P212)

TABURAN PENGUNDI

Statistik mengikut kaum berdasarkan daftar pemilih dikemaskini pada 9 April 2010, didahului pengundi Cina dengan 34,424 orang (66 peratus), Melayu/Melanau (8,866 pengundi/17 peratus), Iban (7,823 pengundi/15 peratus), Bidayah (260 pengundi/0.5 peratus), Orang Ulu (57 pengundi/0.11 peratus) dan lain-lain (73 pengundi/0.14 peratus).

Proses penamaan calon berjalan lancar, tenang

DARI MUKA 1

demikian pada jam 9.03 pagi dan Narawi jam 9.25 pagi.

Hui Yew yang juga Penolong Bendahari Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Cawangan Sibu dan sepupu penyandang kerusi berkenaan, mendiang Datuk Robert Lau Hoi Chew lepasan undang-undang Universiti Hull, London.

Ho Leng pula Pengerusi DAP Sarawak dan Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Assek di sini. Beliau berkelulusan undang-undang dari Inner Temple, Inns of Court, School of Law, London, manakala Narawi ialah bekas tentera yang kini seorang ahli perniagaan.

Pencalonan Hui Yew dicadangkan Loi Kwong Lee dan disokong Chieng Jin Ek, manakala Wong Jihoon menjadi pencadang Ho Leng yang disokong Oscar Ling Chai Yew.

Ini kali pertama Hui Chew bertanding pada pilihan raya dengan jawatan terakhirnya Ahli Majlis Perbandaran Sibu. Ho Leng pula bertanding kali kesembilan dan kalah empat kali di bawah nama...

atas tiket DAP.

Proses penamaan calon berlangsung tenang dengan penyokong BN dan DAP berkumpul seawal jam 6.30 pagi. Calon Bebas hanya diiringi penyokongnya Shadan @ Sahdan Dol dan pencadangnya, Sohaili Aned.

Lebih 2,000 penyokong BN berarak ke pusat penamaan calon diketuai Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, memasuki pekarangan Dewan Suarah pada jam 8.40 pagi.

Turut sama Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman; Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal; Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil; Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin dan Ketua Puteri Umno, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin.

Calon DAP yang tiba jam 8.30 pagi diiringi kira-kira 500 penyokong diketuai Setiausaha Agung DAP yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang,

Melayu/Melanau dan Cina di sini terus memberi sokongan dan kepercayaan kepada BN"

Datuk Ahmad Maslan
Ketua Penerangan Umno

“BN akan terus membawa pelbagai pembangunan di Sibu. Saya rayu pengundi terus menyokong BN”

Fadilah Yusof
Ketua Pemuda Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB)

“Gerakan akan memberi penjelasan kepada pengundi Cina di Parlimen Sibu mengenai pelbagai isu yang dibangkitkan pembangkang”

Tan Sri Dr Koh Tsu Koon
Presiden Gerakan